

UPM terima akreditasi AACSB

Kuala Lumpur: Kejayaan Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima akreditasi antarabangsa Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB) mampu menjadi pendorong kepada institusi lain mencapai kecemerlangan sama.

Kejayaan diperoleh Fakulti Ekonomi dan Pengurusan serta Putra Business School adalah satu penanda aras baru dalam kualiti pendidikan negara terutama dalam bidang pengajian perniagaan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata kementerian percaya pengiktirafan itu mampu memberi keyakinan pada UPM untuk terus cemerlang.

“Pengiktirafan tidak menandakan apa-apa kedudukan dalam kalangan universiti, malah ia lebih kepada kepercayaan badan akreditasi terhadap kemampuan institusi menyampaikan apa yang dijanjikan.

“Ini sekali gus menjadikan UPM universiti keenam di Asia Tenggara yang menerima



*Mohamed Khaled (dua dari kiri) bersama dari kiri Radin Umar, Fernandes dan Arfah, Ketua Setiausaha Pengajian Tinggi, Datuk Ab Rahim Md Noor dan Prof Dr Mohd Shahwahid Othman dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan pada majlis **penyampaian Sijil Pengiktirafan oleh AACSB** di Kuala Lumpur, semalam.*

(FOTO HASRIYASYAH SABUDIN/BH)

pengiktirafan sama selain di Singapura, Thailand dan Filipina,” katanya pada sidang media selepas majlis penyampaian Sijil Pengiktirafan oleh AACSB, di sini, semalam.

Ia disampaikan Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif AACSB International,

John J Fernandes. Turut hadir, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi serta Presiden dan Pegawai Eksekutif Putra Business School, Prof Dr Arfah Salleh.

Fernandes berkata, pemberian itu membuktikan UPM antara yang terbaik di dunia

dan percaya mampu menyampaikan misi mereka kepada masyarakat.

AACSB ditubuhkan pada 1916 adalah badan akreditasi antarabangsa tertua untuk sekolah perniagaan di universiti yang menawarkan bidang perniagaan dan perakaunan.